

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2018

HARI RABU : 31 OKTOBER 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[SUBANG]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bersetuju untuk mengumpul dan menerbitkan data komprehensif mengenai kos ekonomi berkaitan dengan merokok; dan
- (b) jika ya, bila.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Merokok merupakan risiko utama kepada komplikasi penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit kardiovaskular dan penyakit paru-paru kronik. WHO menganggarkan lebih 20,000 lelaki dewasa di Malaysia mati setiap tahun akibat tabiat komplikasi merokok. Akibat kesan komplikasi dan kematian yang tinggi, merokok telah memberi kesan kepada ekonomi negara dalam pelbagai aspek termasuk beban kos yang tinggi bagi merawat penyakit akibat merokok, menjejaskan produktiviti akibat pekerja sering tidak sihat dan menyebabkan kerugian kepada negara akibat kematian pra matang.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju bahawa pengumpulan dan penerbitan data komprehensif mengenai kos ekonomi berkaitan dengan merokok adalah sangat penting. Data komprehensif ini akan dapat membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperkukuhkan kawalan tembakau di Malaysia sebagaimana digariskan oleh *Framework Convention on Tobacco Control*.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah bekerjasama dengan universiti tempatan dan antarabangsa di dalam menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai kos ekonomi berkaitan merokok termasuk kajian berkaitan kesan pencukaian rokok kepada penggunaan rokok serta rokok tidak sah. Kajian berkenaan *Health Care Cost in Malaysia* telah dijalankan pada tahun 2007 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Hasil daripada kajian tersebut mendapati kos tahunan untuk merawat hanya 3 penyakit berkaitan merokok iaitu Kanser Peparu, *Ischaemic Heart Disease*, *Chronic Obstructive Pulmonary Disease* adalah sebanyak RM 2.92 billion di mana 67.5% adalah kos yang ditanggung oleh Kerajaan (kos penyedia perkhidmatan) dan 32.5% adalah kos yang ditanggung oleh pesakit. Jumlah ini adalah bersamaan 0.7% daripada

NO SOALAN: 1

Malaysia *Gross Domestic Product* (GDP). Ini merupakan satu beban kewangan yang besar kepada Kerajaan Malaysia.

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Cape Town untuk menjalankan kajian berkaitan kesan ekonomi dan pencukaian rokok serta kesan kepada penggunaannya.

Kajian yang dinamakan *The Relationships between Tobacco Taxation and Demand Determinants to Reduce Cigarettes Consumption and Smoking Prevalence in Malaysia* telah menunjukkan kenaikan cukai ke atas rokok yang seterusnya menaikkan harga rokok akan mengurangkan penggunaan rokok dan pada masa yang sama meningkatkan kutipan cukai rokok.

Kajian ini juga menunjukkan kenaikan cukai ke atas rokok dapat mengurangkan jumlah perokok dengan lebih berkesan dan seterusnya penurunan kematian pra matang akibat rokok dalam tempoh jangka masa panjang. Ini akan memberi kesan kepada ekonomi dari segi pengurangan kos untuk merawat penyakit yang berkaitan dengan rokok serta meningkat sumbangan tenaga kerja yang lebih produktif di pasaran tenaga buruh.

Walaupun bagaimanapun kenaikan cukai ke atas rokok masih belum dapat memberi impak yang besar ke atas pengurangan penggunaan rokok atas sebab harga masih mampu dimiliki. Hasil kajian "*The relationship between real cigarette price and affordability index to purchase cigarettes in Malaysia from 1985 – 2015*" menunjukkan rakyat Malaysia masih mampu membeli rokok (*affordability*) walaupun cukai rokok dinaikkan dan harga ditingkatkan. Ini adalah kerana kenaikan cukai rokok masih rendah berbanding dengan kenaikan taraf hidup dan pendapatan rakyat. Oleh itu cukai ke atas rokok perlu ditingkatkan secara konsisten dengan mengambil kira pertumbuhan inflasi dan pendapatan negara.

NO SOALAN: 1

Kajian juga menunjukkan harga rokok perlu ditingkatkan bagi mengurangkan jumlah perokok dan seterusnya meningkatkan ekonomi kerajaan akibat pengurangan beban rawatan kesihatan. Kajian projeksi yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan pada 2017 pula menunjukkan bahawa jika kawalan tembakau di Malaysia tidak diperkukuhkan dan prevalen merokok tidak berkurang, kerajaan akan bakal menanggung beban kos rawatan yang sangat tinggi iaitu RM 7.40 bilion pada tahun 2025. Kos rawatan ini dibuat projeksi berdasarkan kajian Health Care Cost of Smoking in Malaysia (Al-Junid et al., 2007) dan pertumbuhan penduduk sebanyak 1.5% (Jabatan Statistik Malaysia, 2015) dalam masa 5 tahun.

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa akan terus mengumpulkan data dan maklumat berkaitan kesan ekonomi akibat merokok. Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan bentuk kerjasama di antara Kementerian serta agensi berkaitan dan pihak universiti bagi terus mengumpulkan data serta maklumat berkaitan. Kementerian Kesihatan berpendirian bahawa kesan ekonomi akibat merokok ini akan memberi impak yang besar kepada kerajaan dan memerlukan intervensi daripada semua kementerian serta agensi terbabit.

SOALAN NO. 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : NO. 2

YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana usaha mengintegrasikan data eKasih untuk kegunaan yang lebih inklusif bagi memastikan golongan berkenaan mendapat bantuan sewajarnya dalam ekonomi yang mencabar pada ketika ini.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk **mendaftarkan** golongan miskin di Malaysia dan **mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar dan Miskin** berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada. Ianya juga bertujuan merekod maklumat bantuan bagi mengelakkan sebarang pertindihan atau ketirisan penyaluran bantuan/program kepada golongan berkenaan. Sistem eKasih memberi ruang kepada semua agensi pemberi bantuan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan di peringkat Persekutuan dan Negeri mengakses data/maklumat kemiskinan yang sama. Di bawah **Program Kelestarian eKasih, aktiviti *mobile team* atau lawatan turun padang bersama agensi pemberi bantuan** terhadap kumpulan sasaran juga akan dijalankan khusus untuk mengenal pasti bentuk bantuan (program/projek) yang bersesuaian dan menyalurkan bantuan berkenaan dalam tempoh masa yang segera.

Di samping itu, bagi memastikan kegunaan data eKasih yang lebih inklusif dan memberi manfaat kepada golongan berkenaan, **usaha mengintegrasikan Sistem eKasih** dengan sistem sedia ada serta perkongsian data turut dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Sistem myIDENTITY di bawah Jabatan Pendaftaran Negara;
- (ii) Sistem eBantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;

- (iii) Data Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) (dahulunya dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia;
- (iv) Data Penerima Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan
- (v) Peringkat perbincangan teknikal dengan agensi zakat negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) di bawah KPM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** nyatakan apakah usaha Kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk meningkatkan pendapatan peniaga kecil dan usahawan muda untuk mereka sama-sama bersaing dalam situasi ekonomi yang kurang baik buat masa sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sentiasa serius dalam usaha untuk memperkasa peniaga kecil dan usahawan muda dalam mengharungi cabaran ekonomi semasa. Pelbagai inisiatif dan program telah dan akan dilaksanakan ke arah pemerkasaan ini.

Antara program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk membantu peniaga kecil dan usahawan muda ialah:

i. **Skim PROSPER Usahawan Muda (MUDA) oleh PUNB**

Program ini menawarkan bantuan pembiayaan kewangan kepada usahawan muda untuk menceburi bidang perniagaan dalam sektor peruncitan dan pengedaran dalam bidang-bidang perniagaan yang strategik;

- ii. **Program *Going Export* (GoEx) oleh SME Corp. Malaysia**
Program GoEx disediakan bertujuan untuk membantu para PKS mengeksport produk mereka di pasaran sedia ada atau pasaran baharu.
- iii. **INSKEN *Business Coaching* (IBC) oleh Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN)**
Program ini menyediakan bimbingan terus daripada usahawan yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang masing-masing merangkumi garis panduan memulakan perniagaan, strategi perniagaan, kos pelaksanaan, peluang dan cabaran dalam menceburi perniagaan dalam bidang yang berkaitan;
- iv. ***Global Accelerator Programme* oleh Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)**
Program ini menawarkan kemahiran, pengetahuan dan rangkaian yang diperlukan oleh usahawan untuk memastikan mereka mampu menarik pelaburan dalam tempoh empat bulan; dan
- v. ***School of Entrepreneurship* oleh MaGiC**
Menawarkan program pembangunan kapasiti dan inovasi untuk *starts up* dan usahawan selain bertujuan untuk mewujudkan peralihan minda dan peningkatan teknologi selaras dengan perubahan Revolusi Industri 4.0.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) bersama - sama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadakan Sesi Dialog dan Bengkel Teknikal (TWG) pada 25 September 2018 yang lalu dalam usaha untuk mengenal pasti program dan inisiatif baru yang bersesuaian untuk dilaksanakan bagi memperkasakan usahawan-usahawan muda di Malaysia dalam masa terdekat.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 4

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menyubur dan memperkasakan semula penggunaan tulisan jawi sebagai adat dan budaya masyarakat Melayu yang semakin diketepikan pada hari ini sekali gus boleh menjadi salah satu tarikan baru pelancong ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah mengetepikan tulisan jawi yang telah menjadi warisan budaya masyarakat Melayu, malahan sentiasa menjalankan usaha memperkasakan penggunaan tulisan jawi. Di peringkat sekolah, melalui kurikulum sedia ada, tulisan jawi tidak diajar secara khusus sebagai satu mata pelajaran. Walaupun begitu, tulisan jawi adalah salah satu komponen yang diajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang melibatkan kemahiran membaca dan menulis tulisan jawi. Kemahiran-kemahiran tersebut telah didedahkan pada peringkat sekolah rendah di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam serta diperkukuhkan lagi di dalam mata pelajaran yang sama di peringkat sekolah menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan menjadikan jawi sebagai tulisan warisan untuk dipelajari di sekolah. Selain daripada itu,

NO SOALAN: 4

KPM juga sentiasa berusaha mempertingkatkan peranan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai kegiatan kebahasaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti:

1. Memugarkan semula peranan Munsyi Dewan (Jawi);
2. Pengemaskinian Pedoman Ejaan Jawi, Edisi Baharu Pedoman Ejaan Jawi ini akan diterbitkan pada awal tahun 2019;
3. Penyemakan ejaan Jawi lama;
4. Penyediaan ruangan penulisan menggunakan tulisan Jawi dalam beberapa majalah terbitan DBP;
5. Penghasilan pelbagai bahan ilmiah dalam tulisan Jawi;
6. Kajian berteraskan tulisan Jawi dalam manuskrip lama;
7. Mengadakan penataran, pemantauan, perkhidmatan dan pemupukan tulisan Jawi;
8. Pelaksanaan program dan klinik Jawi;
9. Menyediakan kepada pihak luar khidmat penyemakan dan pengesahan ejaan tulisan Jawi pada iklan dan papan tanda; dan
10. Program Pembinaan Munsyi Dewan yang terdiri daripada Munsyi Bahasa, Munsyi Sastera dan Munsyi Jawi sejak tahun 1995.

Sekian, terima kasih.

RJM70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-14

15 OKTOBER – 11 DISEMBER 2018

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 31 OKT 2018 (RABU)

SOALAN :

meminta **Menteri Industri Utama** menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan penggunaan minyak sawit sebagai biodiesel.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan biodiesel di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Program biodiesel negara telah mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan kadar adunan B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum). Pada ketika ini, kadar adunan yang terdapat di stesen minyak di seluruh negara adalah pada kadar B7 (adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) di bawah Program B7 di sektor pengangkutan. Manakala, sektor industri masih kekal menggunakan diesel biasa (B0). Penggunaan B7 menggunakan sebanyak 350,000 tan minyak sawit setahun.

Bagi memastikan kelangsungan Program Biodiesel Negara, beberapa langkah dan inisiatif baru dirangka bagi memastikan penggunaan biodiesel ditingkatkan menerusi langkah-langkah berikut:

SOALAN NO.: 5

- (i) Kementerian Industri Utama akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dalam masa terdekat mengenai cadangan meningkatkan kadar adunan kepada B10 untuk sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor industri di seluruh negara. Kedua-dua program ini dijangka akan menggunakan sebanyak 760,000 tan minyak sawit dalam negara setahun dan seterusnya mengukuhkan harga minyak sawit di pasaran; dan
- (ii) Memperkukuhkan pasaran eksport sedia ada di China. Pada Ogos 2018, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), agensi di bawah MPI, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Tsinghua di Beijing sempena lawatan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC). MoU ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan biobahan api berasaskan sawit Malaysia di China pada skala yang lebih besar dan tahap yang lebih tinggi melalui perkongsian maklumat dan teknologi di antara *Palm Oil Research and Technical Service Institute of MPOB* (PORTSIM) di Shanghai, dan Universiti Tsinghua di Beijing.

Kementerian telah mengadakan siri perbincangan dengan sektor industry, sektor pengangkutan dan syarikat petroleum berkenaan cadangan peningkatan adunan biodiesel tersebut. Selain itu, kementerian akan terus memiakan peranan untuk menerokai pasaran minyak sawit dan biodiesel sawit di pasaran-pasaran melalui misi promosi dan teknikal ke luar negara untuk memastikan promosi minyak sawit dan biodiesel ke rantau-rantau ini terus berkembang.

Sekian, Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 6

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan tiada masalah catuan air akibat daripada pembocoran paip dan bilakah kali terakhir projek bekalan air luar bandar di Daerah Setiu diluluskan.

SOALAN NO. 6

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Air Terengganu (SATU) adalah di bawah seliaan kerajaan negeri. Berdasarkan Laporan Pencapaian Syarikat Air Terengganu (SATU) bagi Tahun 2017, panjang paip air di daerah Setiu adalah 949.65 km, di mana 63.6 km atau 7% terdiri daripada paip jenis *asbestos cement* (AC). Berdasarkan rekod pihak SATU, setakat ini tiada catuan bekalan air yang dilaksanakan daerah Setiu akibat daripada paip pecah.
2. Walau bagaimanapun, di bawah Pelan Perniagaan bagi tempoh 2015 sehingga 2019, SATU akan mempergiatkan projek pemasangan paip di daerah Setiu untuk meningkatkan tekanan air agar pengguna mendapat bekalan air yang mencukupi dan bagi mengatasi masalah tekanan air rendah.
3. Selain itu, pihak di bawah Pendekatan 2 Program Pengurangan NRW Kebangsaan, pihak SATU juga akan melaksanakan pemasangan *District Meter Zone* (DMZ) di beberapa daerah di Terengganu termasuk Setiu bagi menjalankan kerja-kerja *Active*

Leakage Control (ALC) untuk memudahkan pemantauan kebocoran yang berlaku dan membaiki kebocoran tersebut dengan segera.

4. Untuk makluman juga, projek yang terkini melibatkan kampung-kampung di dalam daerah Setiu adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Terengganu Tahun 2017 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Maklumat daripada KPLB dimaklumkan bahawa terdapat 7 buah kampung di dalam daerah Setiu yang termasuk dalam senarai projek ini. Projek ini akan ditender semula pada 29.10.2018 secara tender terbuka.

Sekian. terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan “insurans kesihatan” untuk golongan B40 dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengawal selia (regulate) Managed Care Organisation (MCO) supaya kepentingan pesakit lebih dijaga dalam pengendalian tuntutan ‘private health insurance’ (PHI) dan tiada tuntutan lebih untuk rawatan/prosedur yang tidak diperlukan dibuat oleh mana-mana hospital/klinik swasta

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Saya memohon menjawab pertanyaan ini yang menyentuh berkaitan butir terperinci mengenai skim insurans kesihatan (*healthcare financing*) (dengan izin) yang dicadangkan untuk golongan B40 dan penilaian impak oleh Kerajaan, untuk dijawab secara bersekali dengan **empat (4) pertanyaan** lain iaitu yang juga menyentuh soalan berkaitan dengan skim insurans kesihatan termasuk Insurans Kesihatan Sosial iaitu pertanyaan berikut:

- i. **YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** bertarikh 31 Oktober 2018 yang minta menyatakan butir-butir terperinci

NO SOALAN: 7

mengenai skim insurans kesihatan (*healthcare financing*) yang dicadangkan untuk golongan B40 dan adakah Kerajaan telah membuat penilaian impak untuk dasar ini.

- ii. **YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** bertarikh **1 November 2018** yang minta dinyatakan :-
 - a) Bilakah Skim Insurans Kesihatan Sosial akan dibentangkan di Parlimen dan apakah perbezaannya dengan cadangan sebelum ini iaitu "voluntary health insurance scheme" (dengan izin); dan
 - b) Apakah mekanisme bagi membantu kumpulan sasar B40 untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan agar kos perubatan dan caj rawatan paling rendah seperti sedia kala dapat dikekalkan.
- iii. **YB Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]** bertarikh **1 November 2018** yang meminta dinyatakan syarikat insurans manakah yang akan mendapat manfaat susulan dari kenyataan menteri berkaitan sistem insurans yang akan dilaksanakan kepada golongan B40 dan bagaimanakah lantikan syarikat insurans yang akan menguruskan skim ini akan dibuat.
- iv. **YB Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]** bertarikh **28 November 2018** yang meminta dinyatakan apakah rasional cadangan memperkenalkan insurans kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik dan hospital Kerajaan.

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Berhormat, pada masa ini, Kerajaan sedang merancang skim peringkat nasional seumpama Skim Peduli Sihat untuk rakyat kumpulan B40 bagi merealisasikan agenda Kerajaan membantu rakyat berpendapatan rendah sebagaimana manifesto. Skim ini bukanlah berbentuk insurans kesihatan. Ianya akan dibiayai oleh Kerajaan untuk golongan miskin dan akan dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sendiri. Oleh itu, tiada

NO SOALAN: 7

sebarang syarikat insurans swasta yang akan dilantik untuk menguruskan skim tersebut. Skim seumpama Skim Peduli Sihat ini akan dilaksanakan secara berfasa mengikut kemampuan kewangan kerajaan dan situasi ekonomi negara. Skim ini dijangka akan dilancarkan sebagai projek perintis pada tahun 2019.

Pelaksanaan Skim seumpama Skim Peduli Sihat ini tidak akan menjejaskan perkhidmatan kesihatan sedia ada oleh KKM di mana perkhidmatan kesihatan di klinik dan hospital Kerajaan akan terus dinikmati oleh rakyat seperti biasa. Bayaran RM1 bagi mendapatkan rawatan pesakit luar dan RM5 untuk konsultasi pakar akan kekal diteruskan seperti biasa. Pemberian subsidi ubat-ubatan dan perkhidmatan sedia ada juga dikekalkan.

Untuk menjawab pertanyaan mengenai kawal selia ke atas Managed Care Organisation (MCO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang menggunakan peruntukan- peruntukan yang sedia ada di bawah Bahagian XV, Akta 586 untuk memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MCO berhubung dengan kontrak atau perkiraan dengan pengamal perubatan.

Yang di-Pertua,

Menjawab pertanyaan **YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)**, berkaitan Insurans Kesihatan Sosial (*Social Health Insurance, SHI*) (dengan izin), Kerajaan komited untuk memperkukuhkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan antaranya dengan mengkaji model skim penjagaan kesihatan ke arah mewujudkan skim pembiayaan kesihatan nasional seperti yang dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke- 11 (RMKe-11). Skim penjagaan kesihatan memerlukan perancangan yang amat teliti termasuk penilaian tahap pendapatan rakyat dan impak sosio-ekonomi, *engagement* (dengan izin) dengan pelbagai pemegang taruh dan sebagainya. SHI adalah berbeza daripada *Voluntary Health Insurance* (dengan izin) atau VHI. Perbezaan yang paling utama adalah penyertaan rakyat dalam SHI adalah secara mandatori, manakala VHI adalah bersifat sukarela

NO SOALAN: 7

mengikuti segmen-segmen kumpulan sasaran tertentu. Rakyat perlu memahami dan menerima konsep SHI ini sebelum ia dapat dipertimbangkan dengan rasional.

Berkaitan persoalan mekanisma bagi membantu kumpulan sasar B40, dimaklumkan bahawa caj perkhidmatan kesihatan di fasiliti Kementerian KKM yang sedia ada adalah berpatutan dan dapat memastikan kumpulan B40 mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan dengan caj yang murah. Misalnya, caj bagi pesakit kelas 3 (yang merupakan 98% daripada jumlah keseluruhan pesakit dalam) adalah rendah iaitu caj wad Kelas 3 hanyalah RM3.00 sehari, caj rawatan bersalin biasa bagi Kelas 3 hanyalah RM10.00, dan caj pembedahan termasuk anestesia bagi Kelas 3 dikenakan caj antara RM10 hingga RM200 bergantung kepada jenis pembedahan. Caj siasatan bagi Kelas 3 pula dikenakan caj antara RM1 hingga RM120. Perenggan 17 pada Perintah Fi (Perubatan) 1982 memperuntukkan bahawa caj maksimum bagi kelas tiga hendaklah tidak melebihi RM500 bagi setiap kemasukan.

Selain daripada caj yang rendah, melalui perenggan 16(7) pada Perintah Fi (Perubatan) 1982, seorang pengarah hospital atau pegawai yang dilantik boleh memberi pengecualian bagi semua atau sebahagian daripada caj hospital bagi pesakit kelas tiga dan pesakit luar yang mengisytiharkan dirinya miskin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**
[PAYA BESAR]

TARIKH : **31 OKTOBER 2018**

SOALAN : **Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah [Paya Besar]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berdasarkan Perjanjian Air 1962 dengan Negara Singapura, apakah pendirian dan usaha Kerajaan mengadakan perjanjian tambahan bagi meminda harga air selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Air 1961 dan 1962 menyatakan bahawa selepas 25 tahun, Malaysia boleh mengkaji semula harga air.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD
NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : **19 NOVEMBER 2018**

SOALAN : **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir
[Johor Bahru] minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan status rundingan
bagi mengkaji harga jualan air mentah ke
Singapura dalam usaha meningkatkan
harga jualan air mentah ke negara
tersebut.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada diucapkan kepada Yang Berhormat Paya Besar di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Paya Besar bersekali dengan soalan **Yang Berhormat Johor Bahru bertarikh 19 November 2018** kerana soalan yang dikemukakan adalah sama iaitu menyatakan berkenaan isu kajian semula harga jualan air mentah ke Singapura.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun Singapura telah berulang kali mendakwa bahawa Malaysia telah kehilangan hak untuk mengkaji semula harga air, ianya hanya memperlihatkan kelemahan Singapura yang cuba memutarbelitkan fakta sebenar. Pada hakikatnya, dalam Perjanjian Air 1961 dan 1962 dengan jelas menyatakan bahawa kajian semula harga air boleh dilaksanakan selepas tamat tempoh 25 tahun dari tarikh perjanjian. Ini bermakna dengan jelas bahawasanya Kerajaan Malaysia, pada bila-bila masa selepas tahun 1986 dan 1987, berhak disisi undang-undang untuk mengkaji semula harga air. Justeru itu, saya ingin menegaskan bahawa hak Malaysia untuk mengkaji semula harga air tidak boleh dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Isu semakan harga air ini bukanlah merupakan satu perkara yang baru. Sebelum ini, rundingan mengenai semakan harga air pernah dilakukan antara tahun 1998 - 2002 antara YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

5. Kerajaan kini dalam usaha untuk memulakan semula rundingan dengan pihak Singapura ke arah harga air yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Jualan air mentah pada kadar 3 sen/1000 gelen adalah terlalu rendah dan tidak menguntungkan negara. Sehubungan itu, antara langkah-langkah awal yang telah di ambil oleh Malaysia adalah dengan menyatakan secara jelas pendirian Malaysia berhubung hak untuk menyemak semula harga air mentah, semasa pertemuan-pertemuan dua hala dengan pihak Singapura.

6. Ini termasuk semasa lawatan rasmi saya (YB Menteri Luar Negeri) ke Singapura pada 30 - 31 Julai 2018 di mana, antara lain, Perdana Menteri Lee Hsien Loong telah menyatakan bahawa kedua-dua negara tidak perlu membangkitkan isu lama iaitu semakan harga air, dan menegaskan bahawa Malaysia telah kehilangan hak untuk membuat semakan harga air pada tahun 1987 berdasarkan Perjanjian Air 1962. Walau bagaimanapun, saya (YB Menteri Luar Negeri) menegaskan pendirian Kerajaan iaitu Malaysia mempunyai dan mengekalkan haknya untuk membuat semakan harga air berdasarkan perjanjian tersebut, pada bila-bila masa selepas 25 tahun dari tarikh pemeteraian perjanjian.

7. Sehubungan dengan ini, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa Kerajaan sentiasa komited dalam menyuarakan hak untuk mengkaji semula harga air kepada pihak Singapura dan sedang melaksanakan penyelarasan lanjut dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya Kerajaan Negeri Johor, agar isu ini dapat diselesaikan tanpa menjejaskan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk memperbaiki kedudukan universiti-universiti tempatan utama di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpendirian bahawa *ranking* institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah penting tetapi bukan menjadi matlamat utama sesebuah IPT.

Sebaliknya aspek yang sedang mendapat perhatian serius KPM kini adalah untuk meningkatkan kualiti berteraskan nilai dan kemanusiaan melalui elemen kasih sayang, kegembiraan dan hormat-menghormati. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), aspek kualiti adalah salah satu teras yang menjadi keutamaan, tetapi kerajaan baharu mahukan lebih banyak hasil terutamanya kualiti para pensyarah, kualiti graduan, kualiti kurikulum dan kecekapan mengurus kos dalam ekosistem yang lebih mapan. Ini penting bagi memastikan kecemerlangan berterusan di dalam sistem pendidikan tinggi.

Justeru, KPM sedang melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam (UA) bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan dan tiada duplikasi program akademik sedia ada di kalangan IPT.

Walau bagaimanapun, KPM terus berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan UA di peringkat antarabangsa melalui memperbanyakkan program *partnership* dan kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara kolaborasi tersebut adalah kerjasama dengan *Research Councils United Kingdom* (RCUK) sejak tahun 2016, *Japan Science and Technology Agency* (JST) sejak tahun 2015 dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) sejak tahun 2012. Selain itu, KPM juga dalam proses untuk bekerjasama

dengan agensi penyelidikan antarabangsa yang berpotensi seperti *South East Asia Europe, Department of Guangxi Zhuang Autonomous Region Republic of China* dan E-Asia JRP.

Bagi peningkatan kualiti IPT terutamanya institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), penarafan peringkat nasional telah pun dilaksanakan ke atas IPTS iaitu *Malaysia Rating for University and College University Excellent* (SETARA) dan *Malaysian Quality Evaluation System* (MyQUEST). Antara indikator terlibat dalam penilaian penarafan ini kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar dan penyelidikan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPTS untuk menjadi IPTS yang terbaik dan berkualiti.

Selain usaha memperlihatkan jenama pendidikan IPT ke peringkat antarabangsa, KPM terus memperkasa usaha promosi bagi meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia melalui promosi antarabangsa antara kerajaan (*G to G*), rundingan secara berterusan dengan pihak Kerajaan dan universiti di luar negara serta kerjasama antara KPM dengan kedutaan di negara lain bagi memudahkan urusan kemasukan pelajar antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

RJM 71

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 10

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai pelaksanaan lampu jalan ke kampung dan rumah panjang bagi Wilayah Sarawak, adakah Kerajaan akan terus memberi komitmen memasang lampu jalan tersebut agar pemasangan lampu jalan dijadikan keperluan asas kampung dan rumah panjang di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Negeri Sarawak telah bermula dengan Fasa 1 pada tahun 2002 dan diteruskan sehingga Fasa 7 bagi tahun 2018.

Sehingga tahun 2017, sebanyak 43,551 unit LJK telah dipasang, dengan pecahan 42,759 unit lampu *high pressure sodium vapour* (HPSV) manakala 792 unit lagi lampu jenis *light emitting diode* (LED). Pada tahun ini pula, dianggarkan sebanyak 7,250 unit lampu akan dipasang dan dijangka siap pada Februari 2019.

LJK yang dipasang di bawah program KPLB adalah berdasarkan senarai yang diterima daripada Kementerian Utiliti Sarawak (KUS), yang mana kerja-kerja pemasangan dijalankan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), serta dioperasi dan disenggara secara berterusan oleh Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) tersebut.

Pelaksanaan projek LJK ini juga akan diteruskan jika masih terdapat keperluan di peringkat negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 11

Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** semua aset 1MDB yang telah berjaya diambil alih oleh Kerajaan. Apakah rancangan Kerajaan untuk memanfaatkan aset-aset tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Laporan akhir Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dikeluarkan pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB iaitu Tun Razak Exchange (TRX), Bandar Malaysia, tanah Air Itam dan tanah Pulau Indah diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan lebih rapi dan teliti.

Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan melalui syarikat milik MKD iaitu Aroma Teraju Sdn Bhd yang merupakan subsidiari kepada Piramid Pertama Sdn Bhd, memiliki 100% kepentingan di dalam TRX dan Bandar Malaysia. Kerajaan akan berusaha untuk mendapat nilai yang tertinggi daripada TRX dan Bandar Malaysia sama ada melalui pembangunan atau penjualan tanah-tanah tersebut.

1MDB juga telah menjual pemilikan tanah Ayer Itam di Pulau Pinang (melalui penjualan pemilikan saham anak syarikatnya iaitu Kumpulan My City Ventures Sdn Bhd) kepada Sentuhan Budiman Sdn Bhd (syarikat milik MKD). Sentuhan Budiman Sdn Bhd kemudiannya menjual pemilikan saham tersebut (dalam Kumpulan My City Ventures Sdn Bhd) kepada Silk Road Southeast Asia Real Estate Limited (sebuah syarikat Cayman Islands) melalui pemeteraian *Share Sale Agreement* bertarikh 27 Ogos 2017. Walau bagaimanapun, transaksi ini masih belum disempurnakan dan juga sedang disiasat oleh agensi penguatkuasa kerana ia berkait dengan pertikaian di antara 1MDB dengan IPIC sungguhpun wang jualan sebanyak RM2.7 bilion telahpun diterima oleh Kementerian Kewangan.

Tanah Pulau Indah pula masih lagi dimiliki oleh 1MDB dan hala tuju untuk tanah ini masih dipertimbangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 12

Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memperkasakan lagi Sistem Perbankan Islam di Malaysia bagi menjadikan Malaysia sebagai penanda aras bagi negara-negara Islam yang lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa memberikan sokongan penuh dan memainkan peranan yang fasilitatif terhadap pemeraksanaan sistem kewangan Islam sebagai satu dasar nasional, yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi sistem perbankan Islam dan takaful dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi pasaran modal.

2. Malaysia kini adalah antara tiga pasaran perbankan Islam terbesar di dunia (berdasarkan penguasaan pasaran aset perbankan Islam global pada akhir tahun 2017) selepas Iran dan Arab Saudi, dan dikenali sebagai pusat rujukan global untuk pasaran kewangan Islam antarabangsa. Pada peringkat domestik, aset perbankan Islam mencakupi 29.9% (RM823.8 bilion) daripada jumlah aset perbankan pada akhir tahun 2017 berbanding dengan hanya 14.1% pada tahun 2008. Manakala, sukuk mewakili 62.1% daripada total sekuriti korporat yang diterbitkan pada hujung suku kedua 2018.

Yang di-Pertua,

3. Meskipun sistem kewangan Islam telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, pelbagai langkah terus dilaksanakan bagi mengukuhkan kestabilan dan kemampuan sistem kewangan dan ekonomi negara, lantas menjadikan Malaysia sebagai penanda aras bagi negara-negara Islam yang lain:-

i. Pelaksanaan inisiatif untuk meningkatkan komitmen dan penglibatan institusi kewangan Islam secara lebih aktif dalam aktiviti kewangan yang memberikan impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi, komuniti dan alam sekitar:-

- Inisiatif terkini yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu Pengantaraan Berteraskan Nilai atau "*Value-based Intermediation (VBI)*". Inisiatif yang berlandaskan nilai-nilai dan prinsip ajaran Islam

NO SOALAN : 12

ini bermatlamat untuk meningkatkan peranan dan sumbangan institusi kewangan Islam supaya dapat memberikan impak yang holistik ke atas pertumbuhan ekonomi, komuniti dan alam sekitar sejajar dengan objektif Syariah. Misalnya, menerusi VBI, penilaian daya maju peminjam dan pelaburan yang berpotensi bukan lagi hanya diukur berdasarkan skor kredit semata-mata tetapi juga potensi nilai yang akan disumbangkan kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Konsep VBI ini dijangka akan menambah baik kualiti perkhidmatan institusi kewangan menerusi penzahiran yang lebih adil dan telus seperti yang telah digariskan dalam Kertas Strategi VBI; dan

- Menerima pakai prinsip pelaburan mampan dan bertanggungjawab menerusi penerbitan sukuk hijau yang pertama di dunia oleh *Tadaw Energy Sdn. Bhd.* yang dirumus berasaskan rangka kerja "*Sustainable and Responsible Investment Sukuk*" yang dikeluarkan oleh SC. Selain itu, Sukuk Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pertama dunia bernilai RM500 juta turut dilancarkan baru-baru ini oleh HSBC Amanah Malaysia Berhad, justeru mencerminkan komitmen terhadap pembangunan mampan.

ii. Penggunaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) secara aktif dan berterusan sejak tahun 1983 sebagai salah satu instrumen penting bagi membiayai perbelanjaan pembangunan negara:-

- Sebanyak 14 MGII berjumlah RM43 bilion telah diterbitkan pada tahun 2018 (lapan MGII sejak bulan Mei 2018 hingga September 2018), dengan tambahan empat MGII dijangka bakal diterbitkan pada tahun ini;
- Penerbitan MGII yang merupakan salah satu aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets, HQLA*) oleh kerajaan turut berperanan memberikan pengurusan mudah tunai yang berkualiti dan mencukupi bagi institusi kewangan Islam dan pasaran

domestik; dan

- Penyenaaraian MGII dalam indeks utama seperti Indeks *Dow Jones Citigroup Sukuk* dan Indeks *Markit iBoxx* telah menyumbang kepada pembangunan pasaran sukuk dan seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

iii. Pindaan terhadap perundangan percukaian bagi mencerminkan keunikan produk kewangan Islam:-

- Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan aplikasi ke atas produk kewangan Islam dan kewangan konvensional; dan
- Peruntukan insentif cukai juga akan menggalakkan pembangunan produk baharu kewangan Islam. Sebagai contoh, insentif cukai berikut telah diberikan kepada pembiayaan perumahan dan kenderaan:-
 - Peremitan (*remission*) sebanyak 20% daripada setem duti yang boleh dikenakan ke atas surat cara pembiayaan prinsipal atau utama yang dibuat mengikut prinsip Syariah (2006-2015) dan dilanjutkan untuk pembiayaan pembelian harta kediaman (2017-2020).

iv. Perkongsian kepakaran dan pengalaman Malaysia dalam kewangan Islam yang diiktiraf dari pelbagai aspek seperti:-

- Dalam hal-ehwal Syariah, para penasihat Syariah dari Malaysia aktif memberikan perkhidmatan kepada institusi kewangan Islam antarabangsa. Beberapa firma penasihat Syariah Malaysia juga mempunyai penglibatan dan pencapaian yang membanggakan dalam bidang Syariah pada peringkat antarabangsa. Salah satu daripada firma-firma tersebut telah diberikan kepercayaan untuk mengetuai penggubalan piawaian emas Syariah dengan kerjasama

NO SOALAN : 12

“Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions” (AAOIFI). Pelbagai usaha juga telah diambil untuk menyelaraskan interpretasi Syariah antara negara dan untuk saling mengiktiraf penggunaan keputusan Syariah dalam kewangan Islam oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) masing-masing;

- BNM terlibat secara langsung dari segi pembangunan piawaian untuk kewangan Islam global dan aktif dalam pelbagai kumpulan kerja dan pasukan petugas di Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board* atau *IFSB*);
- Malaysia turut dikenali sebagai negara yang mempunyai rangka kerja institusi dan infrastruktur kewangan Islam yang komprehensif, dan sering menyalurkan bantuan teknikal kepada negara-negara lain seperti Ethiopia, Indonesia, Kazakhstan, Korea, Pakistan, Maghribi, Nigeria, Oman dan Tunisia; dan
- Pada peringkat serantau, kepakaran institusi kewangan Malaysia dalam bidang kewangan Islam telah membantu meningkatkan hubungan dagang dan aliran modal serantau dan antarabangsa dengan beberapa buah negara ASEAN. Dalam konteks penerbitan sukuk, beberapa institusi perbankan tempatan telah dilantik sebagai pengatur utama (*lead arranger*) untuk beberapa terbitan sukuk pada peringkat antarabangsa (dalam mata wang selain Ringgit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian dalam membangunkan sektor pelancongan di Sandakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengenal pasti kluster Sandakan-Kinabatangan yang mempunyai potensi untuk dibangun dan dipromosikan secara kluster bagi aktiviti-aktiviti berasaskan komuniti terutamanya yang melibatkan Program Pengalaman Homestay Malaysia. Pembangunan secara kluster membolehkan produk-produk pelancongan di Sandakan dipromosikan bersama sebagai destinasi pelancongan bersepadu yang berupaya untuk menarik lebih ramai pelancong untuk melawat Sandakan dalam tempoh yang lebih panjang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM11.82 juta bagi melaksanakan projek pembangunan di daerah Sandakan iaitu:

1. Pembangunan Pelancongan Sepilok;
2. Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok;
3. Pembangunan Pusat Konservasi Beruang Sepilok; dan
4. Pembangunan *Heritage Forest Park* di *Rainforest Discovery Centre*, Sepilok.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), sebanyak RM700,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek Pembangunan *Ecotourism* di *Bornean Sunbear Conservation Center* di Sepilok, Sandakan.

Antara pendekatan strategik yang telah dan akan diambil oleh Kementerian melalui Tourism Malaysia bagi mempromosikan negeri Sabah terutamanya di Sandakan termasuklah:

1. bekerjasama dengan *Sandakan Tourism Association* termasuk mencetak risalah *Sandakan Tourist Guide* pada 2017 bagi memudahkan pergerakan pelancong di sekitar bandar Sandakan;
2. membangunkan pakej pelancongan Pantai Timur Sabah pada tahun 2019 bagi mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Semporna; dan
3. bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sabah (STB) dalam mengadakan lawatan suai kenal dengan membawa media dan agensi pelancongan ke Pantai Timur Sabah termasuk Sandakan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 14

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah projek-projek prasarana kecil luar bandar (peringkat kampung) di Labuan dalam 5 tahun yang lepas dan yang akan dilaksanakan untuk 5 tahun akan datang. Untuk pengetahuan, Perbadanan Labuan (PL) tidak diperuntukkan dengan cukupnya untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1.47 juta bagi pelaksanaan 15 Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Wilayah Persekutuan Labuan dari tahun 2014 sehingga September 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2018 merupakan salah satu projek prasarana kecil luar bandar (peringkat kampung) yang sedang dilaksanakan di Parlimen Labuan. Sebanyak 400 unit LJK dengan pecahan 345 unit lampu jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 55 unit lampu jenis *light emitting diode* (LED) telah diperuntukkan untuk pemasangan melibatkan peruntukan sebanyak RM475,260. Daripada jumlah ini, 370 unit LJK telah berjaya dipasang sehingga 30 September 2018, manakala pemasangan baki pula dijangka selesai menjelang Februari 2019.

Pihak Kementerian komited untuk melaksanakan projek-projek prasarana kecil luar bandar. Pihak Kementerian memohon jasa baik Yang Berhormat untuk mengemukakan senarai permohonan mengikut keutamaan bagi tujuan siasatan dan anggaran kos. Sekiranya menepati skop dan terdapat keperluan mendesak, permohonan tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kepada KPLB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
[JELI]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 15

Y.B. DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai "*contingent liability*" yang terkini. Senaraikan kemungkinan *contingent liability* tidak mampu dibayar balik dan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 30 Jun 2018, *contingent liability* Kerajaan adalah berjumlah RM258.4 bilion. Daripada jumlah tersebut, *committed liability* yang perlu ditanggung oleh Kerajaan adalah berjumlah RM118.5 bilion. Perincian *committed liability* adalah seperti berikut:

No.	<i>Committed Liability</i>	Jumlah (RM juta)
1.	1Malaysia Development Berhad	5,000
2.	Asset Global Network Sdn. Bhd.	505
3.	Danainfra Nasional Berhad (MRT)	43,880
4.	Govco Holdings Berhad	7,300
5.	Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB)	5,707
6.	K.L. International Airport Berhad (KLIAB)	135
7.	Malaysia Rail-Link Sdn. Bhd. (MRL-ECRL Project)	19,020
8.	Prasarana Malaysia Berhad	28,414
9.	Suria Strategic Energy Resourced Sdn. Bhd. (SSER)	8,048
10.	TRX City Sdn. Bhd.	540
	JUMLAH KESELURUHAN	118,549

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha bagi menggalakkan penyertaan graduan dalam bidang keusahawanan terus dipertingkatkan dan diberi pendedahan sejak daripada peringkat pengajian tinggi lagi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang memperkasa pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan tinggi (IPT) menerusi pendekatan yang lebih holistik dan terancang di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu bagi melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Bagi merealisasikan aspirasi tersebut, KPM juga telah memperkenalkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 yang melaksanakan inisiatif *Job Creator Framework* dengan memberi penekanan terhadap pengukuhan ekosistem pendidikan tinggi untuk membangunkan graduan berciri keusahawanan unggul. Di samping itu, keusahawanan telah dijadikan sebagai agenda dan petunjuk prestasi utama di kesemua institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

Pada tahun 2017, KPM telah menambahbaik modul Kursus Asas Keusahawanan untuk dilaksanakan oleh IPT kepada pelajar dalam semua bidang pengajian berdasarkan input yang relevan dengan polisi dan perkembangan ekonomi semasa. Penyampaian kursus yang lebih praktikal menjadikan pelajar berupaya mengaplikasikan konsep dan proses asas keusahawanan dalam kerjaya atau tugas yang dipertanggungjawabkan serta lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan idea, sama ada pelajar bekerja dengan majikan atau menjadi usahawan setelah tamat pengajian kelak.

Sistem sokongan pembelajaran keusahawanan di IPT juga ditambah baik termasuklah infrastruktur, ruang dan peluang perniagaan, inkubator, khidmat nasihat dan bimbingan serta penglibatan aktif pihak industri dan usahawan sebenar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, KPM turut mengisytiharkan bulan Oktober setiap tahun sebagai Bulan Keusahawanan Siswa yang bertujuan merancak dan

menyemarakkan lagi aktiviti-aktiviti keusahawanan di IPT seluruh negara. Selain itu, Kementerian juga menganjurkan *MOE Entrepreneurial Awards* untuk memberikan pengiktirafan kepada IPT dan warganya yang cemerlang dalam keusahawanan serta menggalakkan pengwujudan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan dan pendidikan keusahawanan di IPT.

Selain itu, KPM telah dan akan terus mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian-Kementerian yang terlibat, agensi dan industri seperti *Malaysian Technology Development Cooperation (MTDC)*, *CELCOM*, *Alibaba Business School*, *Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)*, *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MAGIC)*, *Malaysian Digital Economy Cooperation*, *Small Medium Enterprise Cooperation (SME Corp.)*, dan *Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)* dalam melaksanakan program latihan keusahawanan dan keusahawanan sosial seperti *Youth e-Commerce Program*, *Global e-Commerce Talent*, *Siswapreneur Showcase*, *KPM-MTDC Symbiosis TVET*, *Siswa@Digitalpreneurship*, *Siswapreneur@Agro*, *Siswapreneur@Sport*, *Siswapreneur@TVET*, *University Entrepreneurship Masterclass*, *Women in Social Enterprise*, *Social Enterprise@Urban Community* dan *Social Entrepreneurship@Enactus*.

Melalui inisiatif yang dilaksanakan, tahap penglibatan pelajar khususnya IPTA dalam program dan aktiviti keusahawanan telah dapat ditingkatkan daripada kurang 20 peratus pada tahun 2011 kepada lebih 75 peratus pada tahun 2017. Selain itu, sebanyak 5 peratus pelajar IPT telah memulakan perniagaan semasa dalam pengajian pada tahun 2017 dan 3 peratus lulusan IPT telah menjadi usahawan selepas tamat pengajian.

Menjelang tahun 2020, KPM mensasarkan sebanyak 15 peratus pelajar menjalankan perniagaan dan aktiviti keusahawanan semasa dalam pengajian dan 5 peratus graduan menjadi usahawan setelah tamat pengajian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 17

Y.B. TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang Kerajaan yang dijangka lesap akibat skandal 1MDB atau yang berkaitan, dan jumlah wang yang dijangka dapat dikembalikan kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini siasatan berkaitan penyelewengan 1MDB dan usaha untuk membawa balik aset-aset 1MDB di luar negara masih giat dijalankan oleh pelbagai pihak berkuasa.

Namun begitu, secara amnya, aset utama yang masih dimiliki oleh 1MDB pada masa ini ialah tanah Pulau Indah di Klang, Selangor yang berkeluasan kira-kira 318.42 ekar dengan nilai yang dianggarkan sebanyak RM277 juta. Manakala hutang yang masih belum dilunaskan oleh 1MDB pula adalah seperti berikut:

Bil.	Hutang	Tarikh Bayaran Faedah	Jumlah Prinsipal (RM Million) USD1= RM4.15	Jumlah Faedah (RM Million) USD1= RM4.15	Jumlah Keseluruhan (RM Million) USD1= RM4.15
1.	Sukuk IMTN terbitan 1MDB (P:RM5b, i:5.75%, M:2039)	Mei & Nov	5,000	6,037.5	11,037.5
2.	Bon terbitan 1MDB Global Investment Ltd (P:USD3b, i:4.4%, M:2023)	Mac & Sept	12,450	2,465	14,915
3.	Bon terbitan 1MDB Energy (Langat) Ltd (P:USD1.75b, i:5.75%, M:2022)	April & Okt	7,262.5	1,670.5	8,933
4.	Bon terbitan 1MDB Energy Ltd (P:USD1.75b, i:5.99%, M:2022)	Mei & Nov	7,262.5	1,740	9,002.5
	Jumlah		31,975	11,913	43,888

Nota:

P : Prinsipal

i : Faedah

M : Tahun matang

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARIT]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 18

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah impak yang diterima oleh Kerajaan selepas pelaksanaan SST; dan
- (b) berapakah jumlah kutipan cukai yang diperolehi oleh Kerajaan setelah bermulanya pelaksanaan Cukai SST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Langkah Kerajaan di dalam menetapkan GST 0% bermula 1 Jun 2018 dan pemansuhan GST bermula 1 September 2018 telah menyebabkan hasil Kerajaan dianggar berkurang sebanyak RM21 bilion bagi tahun 2018. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan kembali cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018 di mana anggaran kutipan SST bagi tahun ini adalah sebanyak RM4 bilion. Oleh itu, kehilangan hasil dari cukai kepenggunaan bersih (*net impact*) adalah berjumlah RM17 bilion bagi tahun 2018.
- b. Jumlah kutipan SST dari 1 September 2018 sehingga 22 Oktober 2018 adalah sebanyak RM1.064 bilion. Manakala bagi tempoh September hingga Disember 2018, anggaran hasil yang dapat dikutip adalah sebanyak RM4 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 19

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan Akta Hasutan, 1948 dan sekiranya ya, sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu “moratorium” terhadap sebarang penahanan dan siasatan di bawah Akta tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedang mengkaji semua undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci.

Memandangkan kajian tersebut masih sedang dijalankan, Kerajaan belum memutuskan sama ada undang-undang tersebut perlu dipinda atau dimansuhkan atau undang-undang yang baru perlu diwujudkan.

Kerajaan memberi jaminan bahawa pindaan atau pemansuhan terhadap undang-undang berkenaan akan mengambil kira usaha kerajaan dalam memelihara keselamatan dan ketenteraman awam daripada pelbagai ancaman termasuklah pihak-pihak radikal yang mengambil kesempatan untuk mencetuskan kebencian antara kaum dan penganut agama lain yang boleh membawa kepada konflik dan rusuhan di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[KEPONG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional 114 **permit lesen import (AP) sisa plastik** HS Kod 3915 diteruskan sedangkan negara-negara maju seperti China telah melarang import sisa plastik tersebut. Berapakah tan sisa plastik itu telah diimport ke Malaysia menerusi 114 permit AP.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpandangan bahawa sisa pepejal adalah komoditi yang berharga kepada negara kerana mampu menjana pendapatan kepada pengusaha kilang kitar semula sekiranya sisa pepejal terutamanya sisa plastik diasingkan dengan teratur dan diproses dengan baik.
2. KPKT bercadang agar pemberian Lesen Import (AP) hanya diteruskan dan dihadkan kepada syarikat-syarikat yang layak serta memenuhi syarat-syarat kelulusan AP yang ditetapkan oleh KPKT sahaja di samping menetapkan ratio bagi syarikat pengimport sisa plastik dengan mewajibkan penggunaan 30% sisa plastik tempatan. Cadangan ini secara tidak langsung akan mengurangkan pengimportan sisa plastik sebanyak 30% dan seterusnya merangsang aktiviti kitar semula sisa plastik tempatan.
3. KPKT juga berpandangan bahawa pengharaman serta merta akan menjejaskan industri pemprosesan plastik di Malaysia kerana produk plastik yang dihasilkan di dalam negara akan dieksport ke luar negara untuk dijadikan sumber kepada bahan lain. Bagi mengawal kemasukan sisa plastik ke Malaysia, Kerajaan juga sedang merancang ke arah penetapan kuota Kebangsaan bagi memastikan Malaysia tidak menerima sisa plastik secara berlebihan sekiranya terdapat mana-mana negara melaksanakan sekatan ke atas pengimportan sisa plastik.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan sisa plastik yang dieksport ke Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak 1,087,424 tan sisa plastik yang mana berlaku

peningkatan yang ketara bagi kemasukan sisa plastik ke Malaysia dari tahun 2016 hingga 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kawalan perniagaan pemprosesan sisa plastik yang lebih ketat oleh negara Republik Rakyat China (RRC) dan menyebabkan pembekal sisa plastik daripada Negara-negara lain yang asalnya diimport oleh RRC mengalihkan pengeksportan sisa plastik ke Malaysia.

5. Dalam hal ini, Kementerian sedang mengkaji opsyen-opsyen yang bersesuaian bagi mengawal pengimportan sisa plastik agar peningkatan kemasukan sisa plastik ke Malaysia tidak akan berlaku.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji
Mohd Fakeh [Sabak Bernam]

TARIKH : 31 Oktober 2018 (Rabu)

SOALAN : Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah keluasan tanah pertanian yang terbiar dan tidak diusahakan dan apakah langkah Kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian supaya lebih produktif.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian, seluas 119,273 hektar tanah terbiar yang sebahagian besarnya berstatus tanah pertanian telah dikenalpasti di seluruh negara, terutamanya di Pahang (34,293 hektar), Johor (17,854 hektar), Perak (14,506 hektar), Terengganu (12,309 hektar) dan Negeri Sembilan (10,309 hektar).

Dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian, MOA melalui Jabatan Pertanian menggalakkan usahawan dan pemilik tanah untuk membangunkan tanah terbiar dengan aktiviti pertanian menerusi Projek Pembangunan Tanah Terbiar.

Projek Pembangunan Tanah Terbiar ini telah dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lagi bertujuan untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan memandangkan tanah baharu bagi tujuan pertanian kini adalah terhad.

SOALAN NO: 22

Untuk tujuan itu, kerajaan membantu usahawan dan pemilik tanah dengan inisiatif seperti berikut:

- i. Bantuan secara terhad seperti input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil;
- ii. Bantuan bagi pembersihan kawasan yang telah dikenalpasti seperti kerja-kerja perataan tanah;
- iii. Bantuan bagi pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem pengairan dan saluran serta pembinaan jalan ladang dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/hektar; dan
- iv. Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian juga telah menyediakan perancangan untuk membangunkan Tanah Terbiar dengan sasaran yang ditetapkan seluas 100 hektar tanah terbiar kepada 50 pengusaha untuk dibangunkan setiap tahun. Sehingga kini, seluas 10,048.77 hektar tanah terbiar telah dibangunkan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia sahaja seluas 7,944.97 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan penglibatan seramai 5,964 orang petani.

Bagi memastikan kejayaan projek ini, tanaman kekal amat digalakkan bagi mengelakkan tanah yang dibangunkan menjadi terbiar semula. Di samping itu, tanaman singkat masa turut disyorkan bagi memastikan petani memperoleh pendapatan segera berikutan kitaran penanamannya yang pendek. Antara tanaman yang telah diusahakan adalah seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa yang mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 205,989.76 metrik tan dengan nilai pengeluaran berjumlah RM 189,204,113.01.

Untuk negeri Selangor sahaja, seluas 107.20 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 2.1 juta dan seramai 63 orang petani telah mendapat manfaat dan berjaya menghasilkan pengeluaran berjumlah 11,108 metrik tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 1.59 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] – PAS

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 23

PR-1412-L01751

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memastikan Telekom Malaysia dan syarikat telekomunikasi yang lain menawarkan pakej internet yang lebih murah dan berkelajuan tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Kerajaan untuk menurunkan harga serta meningkatkan kelajuan jalur lebar talian tetap menjelang 2019 adalah seperti yang dijangkakan.
2. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menguatkuasakan sepenuhnya peraturan di bawah Akta SKMM melalui Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian atau *Mandatory Standard Access Pricing (MSAP)* mulai 1 Januari 2018 dan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pemegang lesen pada 8 Jun 2018.
3. MSAP adalah mekanisma yang membolehkan pemberi perkhidmatan memperoleh harga borong yang lebih rendah. Dengan harga yang lebih rendah, mereka boleh menawarkan pakej runcit baharu kepada pengguna pada harga mampu milik yang lebih berdaya saing (*competitive*).
4. Berdasarkan MSAP, syarikat-syarikat telekomunikasi dikehendaki mengemukakan perjanjian capaian kepada SKMM sebelum 31 Ogos 2018 yang akan membawa penurunan harga jalur lebar talian tetap. Sejajar dengan inisiatif Kerajaan, syarikat telekomunikasi yang utama telah mencapai persetujuan yang akan membawa kepada penurunan harga jalur lebar talian tetap.

SOALAN NO: 23

5. Tarikh muktamad bagi mengemukakan perjanjian capaian ini telah dilanjutkan kepada 30 September 2018 bagi mengambil kira pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018 yang akan memberi kesan kepada harga jalur lebar talian tetap.
6. Lanjutan daripada pelaksanaan MSAP, syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan telekomunikasi telah menyahut saranan Kerajaan dengan menawarkan pakej-pakej jalur lebar talian tetap yang baharu dengan harga yang lebih berpatutan dengan kadar kelajuan yang lebih tinggi.
7. Sehingga Oktober 2018, syarikat telekomunikasi yang utama telah mengumumkan pengurangan harga yang melebihi 30%. Kini pakej permulaan berkelajuan 30Mbps boleh dinikmati oleh rakyat pada harga serendah RM79, selain pakej permulaan lain di bawah RM100. Antara syarikat telekomunikasi yang telah mengumumkan pakej-pakej jalur lebar talian tetap yang baharu adalah seperti Telekom Malaysia (TM), Maxis, TIME dotcom (TIME) dan Celcom.
8. Sementara itu, bagi ketersediaan infrastruktur capaian kemudahan jalur lebar di Parlimen Jerai, Kedah, sehingga Jun 2018, sebuah menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Jerai. Selain itu, sebanyak 7 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G/4G, manakala sebanyak 9 menara masih dalam peringkat penaiktarafan di Parlimen Jerai yang dijangka siap pada penghujung 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 24

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah lima keburukan sistem SST dibanding GST. Bagaimana Kementerian menampung kehilangan hasil perbezaan GST dan SST. Apakah nama cukai-cukai baharu yang akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kelemahan SST yang merupakan sistem cukai seperingkat termasuklah isu cukai bertindih (*cascading effect*) dan pindahan harga (*transfer pricing*). Namun demikian, kesan cukai bertindih dijangka tidak memberi impak yang besar di bawah SST kerana skop SST adalah terhad kepada beberapa perkhidmatan tertentu sahaja.

Sejak SST dilaksanakan pada 1 September 2018, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah meneliti segala maklum balas dan rayuan daripada pihak berkepentingan sektor perdagangan dan industri dan membuat keputusan untuk mengecualikan beberapa barangan daripada dikenakan cukai SST serta menyemak semula kadar cukai jualan ke atas barangan tertentu. Proses semakan semula kadar cukai SST ini masih berterusan dan keputusan untuk barangan yang terpilih akan diumumkan selepas ia dimuktamadkan. Penyelarasan ini adalah bertujuan untuk memastikan proses pengurusan lebih lancar dan juga lebih memudahkan perniagaan-perniagaan supaya kenaikan cukai bertindih dapat dielakkan.

Langkah Kerajaan di dalam menetapkan GST 0% bermula 1 Jun 2018 dan pemansuhan GST bermula 1 September 2018 telah menyebabkan hasil Kerajaan dianggar berkurang sebanyak RM21 bilion bagi tahun 2018. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan kembali cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018 di mana anggaran kutipan SST bagi tahun ini adalah sebanyak RM4 bilion. Oleh itu, kehilangan hasil dari cukai kepenggunaan bersih (*net impact*) adalah berjumlah RM17 bilion bagi tahun 2018. Sebahagian daripada pengurangan kutipan GST tersebut juga akan diimbangi oleh tambahan hasil seperti berikut:

- Tambahan hasil berkaitan petroleum yang dijangka berjumlah RM5.4 bilion berikutan peningkatan harga minyak mentah purata kepada

NO SOALAN : 24

USD70 setong (Brent) berbanding andaian USD52 setong yang diguna pakai dalam Bajet 2018.

- Tambahan dividen yang dianggar sebanyak RM5 bilion daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) termasuk PETRONAS dan Khazanah Nasional Berhad.

Pada masa sekarang, Kerajaan sedang meneliti beberapa cadangan percukaian untuk memantapkan kedudukan fiskal. Pengumuman mengenai cadangan pelaksanaan cukai ini akan dibuat semasa pembentangan Belanjawan 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah faktor projek berimpak tinggi seperti Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) ditangguhkan dan adakah Kerajaan akan meneruskan projek mega ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping (CVIA) telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMKe-11). Projek CVIA ini memfokus kepada penyediaan infrastruktur asas yang meliputi kawasan seluas 1,335 ekar bagi Fasa 1 yang bertujuan menarik pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa untuk beroperasi di negeri Perlis. Projek ini bakal mewujudkan ekosistem yang kondusif kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur dan dijangka akan mempercepat pertumbuhan ekonomi negeri Perlis.

Pelaksanaan projek CVIA yang diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah penyelarasan dan pemantauan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), meliputi pembinaan Pembangunan Pusat Perniagaan Bersepadu (IBC), pembinaan pencawang elektrik, serta penyediaan infrastruktur seperti rangkaian jalan raya, sistem perparitan, bekalan air, pembentungan, bekalan elektrik, dan telekomunikasi. Projek ini adalah pada peringkat awal pelaksanaan di mana ia telah bermula dengan pembinaan IBC yang dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2018. Jangkaan awal projek siap sepenuhnya adalah pada tahun 2021.

Walau bagaimanapun, seperti mana dasar semasa Kerajaan susulan kedudukan kewangan kerajaan yang ketat, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua projek pembangunan yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) ditangguh atau dikaji semula pelaksanaannya pada tahun 2018. Ini adalah bagi memastikan semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja termasuk perundingan ditender semula secara tender terbuka mengikut peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, projek CVIA juga ditangguhkan kerana turut tersenarai bersama beberapa projek lain atas faktor beberapa fasa projek tersebut belum dikeluarkan SST.

Namun, menyedari akan kepentingan projek CVIA ini kepada pertumbuhan ekonomi negara dan manfaat yang bakal diperolehi, khususnya dalam membantu mempercepatkan pembangunan sosioekonomi negeri Perlis, Kerajaan sedang mengkaji semula projek-

SOALAN NO : 25

projek yang ditangguhkan ini, termasuk CVIA, sama ada akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun hadapan atau sebaliknya.

Sekian, terima kasih.

31 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 26

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan membayar balik cukai GST yang tertunggak kepada peniaga-peniaga dan berapakah tunggakan terkumpul terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 8, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 telah menetapkan bahawa Ketua Pengarah Kastam perlu membuat bayaran balik GST dan tempoh bayaran balik yang ditetapkan adalah selama 6 tahun. Mekanisme pembayaran tuntutan pulang balik GST pada tahun depan akan diumumkan dalam pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018.

Berdasarkan kepada maklumat daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), jumlah tertunggak tuntutan pulang balik GST sehingga 22 Oktober 2018 ialah RM23.56 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG
(LABIS)**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 27

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah akan diambil untuk hapuskan budaya feudalistik dalam perkhidmatan/penjawat awam dan juga untuk mengurangkan birokrasi di semua agensi dan jabatan Kerajaan bagi membanteras rasuah.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat komited dan tekad untuk memastikan agar perkhidmatan awam Malaysia mengamalkan nilai integriti yang tinggi dan bebas daripada gejala rasuah. Salah satu platform yang wujud kini adalah Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) di peringkat Kementerian dan Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet

Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam kedua-dua mesyuarat ini, perkara berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah diperbincangkan dan sebarang keputusan diambil serta merta.

2. Di dalam Mesyuarat JKKMAR, semua perkara yang memerlukan hala tuju dasar (*policy direction*) dibawa untuk dibentangkan dan diputuskan oleh mesyuarat ini, dan seterusnya bagi perkara yang memerlukan keputusan Kerajaan, ianya akan diangkat melalui Memorandum Jemaah Menteri (MJM) untuk keputusan Jemaah Menteri.
3. Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah diberi mandat untuk melaksanakan koordinasi ke atas usaha-usaha Kerajaan bagi membanteras rasuah. GIACC kini sedang giat mengadakan sesi perbincangan dengan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian untuk mendapatkan maklumbalas dan membincangkan kaedah mengekang rasuah di Kementerian serta agensi di bawah tanggungjawab setiap Kementerian.
4. Setakat ini, sebanyak lima belas (15) Kementerian telah melalui sesi ini, dan pada masa yang sama Jabatan Audit Negara (JAN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga turut serta dan memberikan maklumbalas ke atas isu-isu rasuah, penyelewengan, ketirisan, pelanggaran integriti dan lain-lain isu salah laku yang berlaku di Kementerian-Kementerian terbabit. Maklumbalas-maklumbalas yang diberi oleh pihak JAN dan SPRM adalah berdasarkan audit dan siasatan yang dijalankan di Kementerian-Kementerian terbabit. Input perbincangan tersebut

merupakan elemen-elemen yang diambil kira dalam merangka pelan intervensi di peringkat organisasi tersebut.

5. Untuk makluman YB juga, GIACC kini sedang merangka Pelan Anti-Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan-NACP*). Bagi Kerajaan, usaha mencegah rasuah perlu dilakukan secara berterusan dan merangkumi aspek punitif, pencegahan rasuah dan pembudayaan integriti serta governans.
6. Pembangunan Pelan Anti Rasuah Nasional ini akan meliputi semua aspek berpandukan risiko rasuah di pelbagai sektor. Pelan ini kemudiannya dilaksanakan di mana GIACC akan bertanggungjawab bagi penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan pelan tersebut. Selaras dengan pelan anti rasuah peringkat nasional, setiap Kementerian dan agensi juga akan menyediakan Pelan Anti-Rasuah organisasi mengikut risiko rasuah masing-masing.
7. Selain itu, GIACC juga menyelaras khidmat nasihat yang diberikan oleh SPRM kepada Kementerian dan Agensi dalam aspek pencegahan rasuah. Fokus GIACC adalah untuk memastikan semua Kementerian dan Agensi Kerajaan dapat menutup ruang dan peluang rasuah di organisasi masing-masing. Dengan demikian, pembanterasan rasuah boleh dilaksanakan dengan lebih efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah benar kenyataan YAB Menteri Besar Kedah bahawa pembinaan Hospital Pendang akan ditangguhkan. Kenyataan ini bertentangan dengan jawapan Menteri Kesihatan berkenaan pembinaan Hospital Pendang yang akan diteruskan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Pendang, Kedah telah memulakan kerja pembinaan yang mana tarikh masuk tapak projek ialah pada **7 Mei 2018** dan dijangka siap pada **1 November 2021**. Prestasi kemajuan fizikal projek ini sehingga 26 September 2018 sebanyak **1.27% sebenar** berbanding **2.04% jadual**. Pada masa ini, kerja-kerja pembersihan tapak pembinaan telah pun selesai dan susun atur luaran dan dalaman hospital ini telah disediakan oleh pihak kontraktor serta telah disemak oleh pihak JKR dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 29

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk mengarahkan institusi bank berkaitan Kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional Berhad atau Bank Rakyat Berhad untuk membuka cawangan di Daerah Pitas. Walaupun salah satu bank tersebut telah menempatkan mesin ATM di Daerah Pitas namun penubuhan sebuah cawangan bank di daerah ini amat diperlukan untuk memacu ekonomi penduduk di Daerah Pitas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, khusus bagi daerah Pitas, Sabah, terdapat enam ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan dua ejen Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah tersebut. Melalui ejen bank, penduduk Daerah Pitas boleh mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil dan pembukaan akaun (ejen BSN sahaja). Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) pula telah menambah baik perkhidmatan mesin ATM di Hospital Daerah Pitas dengan meningkatkan kekerapan penghantaran wang tunai untuk mesin ATM tersebut bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.
2. Secara umumnya, penubuhan sesebuah cawangan bergantung kepada penilaian sesebuah institusi kewangan yang mengambil kira antara lain faktor-faktor seperti kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran yang kondusif, keperluan terhadap perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat dan anggaran penggunaan perkhidmatan kewangan oleh penduduk sekitar. Pembukaan cawangan oleh institusi kewangan mungkin boleh dipertimbangkan sekiranya faktor-faktor ini dapat dipenuhi.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]

TARIKH : 31 Oktober 2018 (Isnin)

SOALAN : Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah keluasan tanah pertanian di setiap negeri dan pemilik-pemilik tanah ini dari segi peratusannya, sama ada ia dimiliki oleh Kerajaan, syarikat awam berkaitan Kerajaan, swasta atau individu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian pada tahun 2017, jumlah keluasan tanah pertanian khususnya bagi subsektor tanaman makanan adalah 1,148,039 hektar. Pecahan kawasan tanah mengikut negeri adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Keluasan (ha)	%
1	Kedah	231,718	20.2
2	Sarawak	230,766	20.1
3	Perak	117,224	10.2
4	Johor	105,461	9.2
5	Kelantan	105,842	9.2
6	Sabah	87,710	7.6
7	Pahang	76,156	6.6
8	Perlis	56,183	4.9
9	Selangor	53,933	4.7
10	Terengganu	30,256	2.6
11	Pulau Pinang	29,200	2.5
12	Negeri Sembilan	11,982	1.0
13	Melaka	11,174	1.0
14	W.P. Labuan	426	0.0
15	W.P. Kuala Lumpur	8	0.0
Jumlah		1,148,039	100.0

Berubung pemilikan tanah-tanah tersebut, Kementerian ini tidak mempunyai maklumat mengenainya kerana perincian data mengenai pemilikan tanah pertanian oleh Kerajaan, syarikat awam berkaitan Kerajaan, swasta atau individu berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak Ketua Pengarah Tanah & Galian (Persekutuan) selaku pentadbir tanah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN : 31

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian masih meneruskan skim pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Berapakah jumlah yang diperuntukkan setiap tahun dan kelayakan permohonan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui MARA sentiasa fokus dalam melahirkan graduan yang profesional dan kompeten serta mengutamakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar yang tergolong dalam Kumpulan B40. Sehubungan dengan itu, MARA akan meneruskan Skim Pinjaman Pelajaran MARA kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Pada tahun 2018, MARA menerima peruntukan penganjuran pelajaran berjumlah RM2 bilion bagi membiayai 65,000 orang pelajar di dalam dan luar negara.

Syarat kelayakan permohonan pinjaman pelajaran MARA adalah seperti berikut:

1. Lulusan SPM yang mengikuti pengajian persediaan dalam negara dan memenuhi syarat di peringkat persediaan untuk ke luar negara. Keutamaan diberi kepada calon-calon seperti berikut:
 - Cemerlang SPM tahun semasa (mendapat 8A)
 - Kumpulan B40
 - Lulus Program MARA Student Assessment Programme (MSAP)
2. Program Lulusan Diploma Institusi Pendidikan MARA (IPMa). Keutamaan diberi kepada calon-calon seperti berikut:
 - Pelajar Cemerlang Lulusan IPMa
 - Kumpulan B40
 - Memenuhi syarat akademik ke luar negara
3. Program Lulusan Ijazah dan Profesional. Keutamaan diberi kepada calon-calon seperti berikut:
 - Lulusan Diploma, Ijazah dan Sarjana cemerlang
 - Bidang profesional yang diberi keutamaan adalah Perakaunan, Perubatan dan Pergigian.
 - Top 50 Universities (QS World University Rankings/Times Higher Education (THE) World University Rankings)
 - Memenuhi syarat akademik ke luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-14,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Karupiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

Adakah Kerajaan akan mengotakan janjinya seumpama 7% masyarakat India akan bekerja di sektor awam seperti terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN: YB SEN. WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Datuk / Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli yang Berhormat,

Sasaran 7% masyarakat India bekerja di sektor awam telah ditetapkan dibawah Pelan Tindakan Masyarakat India (dan bukannya Manifesto Pakatan Harapan).

“Manifesto Pakatan Harapan – Iltizam Khusus untuk Masyarakat India” telah menetapkan sasaran 10% daripada bilangan pekerja baharu adalah di kalangan komuniti India untuk berkhidmat dalam semua syarikat milik kerajaan (GLC), agensi-agensi kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Bagi merealisasikan inisiatif untuk meningkatkan bilangan masyarakat India dalam sektor awam, SEDIC sedang mengadakan siri-siri mesyuarat secara berterusan dengan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengambilan pekerja. Antaranya termasuklah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM),

Suruhanjaya Pelajaran Malaysia (SPP) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi peluang dan masa kepada Kerajaan agar cadangan 10% tersebut dapat diimplimentasikan dalam jangka masa 5 tahun ini. Saya sesungguhnya percaya bahawa hasrat Kerajaan untuk melibatkan 10% masyarakat India daripada bilangan keseluruhan pekerja baharu untuk berkhidmat dalam agensi-agensi kerajaan persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan dan syarikat milik kerajaan (GLC) akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 33

**Y.B. DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA
BATAS]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi "*divestment*"
(nyahlabur) Khazanah Nasional dalam masa terdekat ini. Siapakah
"*beneficiaries*" (penerima manfaat) langsung kepada usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini, tiada sebarang keputusan muktamad telah dibuat. Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan memastikan supaya sebarang keputusan yang diambil akan memberikan pulangan yang tertinggi untuk Kerajaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 34

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permohonan kewarganegaraan di Sarawak. Nyatakan dalam tempoh 2013-2018, jumlah permohonan yang masih tertangguh, jumlah yang ditolak mengikut gender dan tahun permohonan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf Bukan Warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Dengan demikian, tiada suatu tempoh masa yang tertentu ditetapkan untuk suatu permohonan kewarganegaraan Malaysia dikeluarkan keputusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan menunjukkan bagi permohonan kewarganegaraan yang diterima dari tempoh tahun 2013 hingga bulan 30 September 2018, sebanyak 2,215 permohonan kewarganegaraan sedang diproses, manakala 906 permohonan tidak diluluskan, di mana 475 adalah lelaki dan 431 adalah wanita. Daripada jumlah yang tidak diluluskan ini, perincian mengikut tahun permohonan dikemukakan adalah:

- a) 579 pada tahun 2013;
- b) 258 pada tahun 2014;
- c) 20 pada tahun 2015;
- d) 19 pada tahun 2016; dan
- e) 30 pada tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]**

TARIKH : **31 OKTOBER 2018**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memperbaiki beberapa buah bangunan yang telah rosak dan strategi Kerajaan untuk menarik lebih ramai jumlah pelancong ke Pusat Kebudayaan Murut Sabah, yang terletak di Parlimen Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian ini tidak mempunyai perancangan yang khusus bagi memperbaiki bangunan yang telah rosak di Parlimen Tenom memandangkan pelan pembangunan kawasan tersebut adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan

NO. SOALAN : 35

pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah termasuklah di Parlimen Tenom. Ini bagi memastikan produk pelancongan dapat dibangunkan dan dinaiktaraf untuk memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia (TM) bagi mempromosikan kebudayaan Murut dan Tenom adalah seperti berikut:

1. TM telah membawa bersama Kumpulan Kebudayaan Murut Nabai untuk memperkenalkan dan mempersembahkan tarian suku kaum Murut sempena penyertaan di World Travel Market (WTM), London pada tahun 2017;
2. Krew TV3 dengan kerjasama TM telah melakukan penggambaran "Aroma Tradisi" pada tahun 2017 di beberapa lokasi di Sabah termasuk Tenom. Melalui rancangan ini, makanan tradisi serta tarian tradisi suku kaum Murut turut diperkenalkan; dan
3. TM telah mengadakan lawatan suai kenal unik iaitu program Garisan Landasan Sabah meliputi perjalanan dari Kota Kinabalu merentasi Pekan Beaufort ke Tenom dengan menaiki pengangkutan keretapi pada tahun 2015. Program ini melibatkan 80 artis-artis dan media-media tempatan dan luar Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)**

SOALAN NO. 36

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Hospital Bintulu yang menghadapi masalah katil yang tidak mencukupi. Jika ada, berapa katil akan ditambahkan ; dan
- (b) jika tidak, apakah sebabnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Bintulu yang berkapasiti 292 buah katil adalah sebuah Hospital Pakar Major yang menawarkan sejumlah 11 disiplin kepakaran oleh pakar residen serta 22 lagi disiplin kepakaran dan sub-kepakaran secara perkhidmatan lawatan pakar. Untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan, KKM mengambil maklum akan keperluan menaiktaraf Hospital Bintulu dari aspek kemudahan infrastruktur termasuk peralatan perubatan.

Bagi tahun 2015 - 2017, kadar penggunaan katil (Bed Occupancy Rate, BOR) adalah 75-78%. Tindakan menambah bilangan katil telah dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambilkira kemampuan

peruntukan dan tenaga pakar. Sehubungan dengan itu, dalam RMKe-10 pada tahun 2013, Kerajaan telah pun menaiktaraf Hospital Bintulu melalui pembinaan projek naiktaraf Unit Kebakaran termasuk penambahan 10 buah katil. Projek tersebut telah pun siap sepenuhnya pada tahun 2016. (16 September 2016). KKM akan sentiasa memantau perkhidmatan yang disediakan di hospital ini dan akan menaiktaraf hospital sedia ada sekiranya ada keperluan dalam Rancangan Malaysia (RMK) akan datang.

Bagi menangani isu kesesakan dan masa menunggu yang lama untuk berjumpa doktor, Hospital Bintulu telah melaksanakan inisiatif *Lean Healthcare* bermula tahun 2017. Inisiatif *Lean Healthcare* membolehkan keseluruhan proses kerja dilihat semula dan ditambahbaik agar dapat meningkatkan kecekapan dan kelancaran proses kerja dengan menghapuskan aktiviti-aktiviti yang membazir dan berulang.

Lean Healthcare telah dilaksanakan di Jabatan Kecemasan & Trauma dan Wad Perubatan. Sebelum inisiatif ini dilaksanakan, BOR untuk purata wad perubatan lelaki dan perempuan adalah sebanyak 121%. Selepas pelaksanaan inisiatif ini selama setahun, BOR wad perubatan menurun sehingga 99.2%. Proses discaj pesakit dari wad perubatan juga berkurang daripada 226 minit kepada 134 minit dari Mac 2017 hingga Februari 2018, dengan peratus keseluruhan pesakit yang dibenarkan discaj dapat keluar dan mengosongkan katil dalam tempoh kurang daripada 4 jam adalah sebanyak 86.1%. Ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan kesesakan di wad dan masa menunggu untuk mendapatkan katil untuk pesakit baru dapat dikurangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 37

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status pemberian taraf kewarganegaraan atau kad pengenalan biru kepada pemegang kad pengenalan merah serta berstatus pemastautin tetap yang berusia 60 tahun ke atas untuk semua kaum dan bangsa sejak pengumuman YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai prosedur pemprosesan permohonan kewarganegaraan, dimaklumkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) bagi permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah berpandukan kepada senarai semak yang diperincikan daripada peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan serta Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 (Pindaan 1996). Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan tiga (3) kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia iaitu

SOALAN: 37

secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau penaturalisasian. Bagi warga asing, permohonan kewarganegaraan Malaysia boleh dikemukakan sama ada secara pendaftaran atau penaturalisasian.

Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat perundangan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi adalah cukup tempoh mastautin sekurang-kurangnya 12 tahun dari tarikh pegangan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR dan telah menunjukkan niat untuk bermastautin, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu serta mestilah berkelakuan baik. Beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.

Setelah selesai proses pertimbangan dan jika permohonan diluluskan, pemohon perlu hadir ke pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan membawa surat kelulusan yang dikeluarkan sama ada oleh KDN atau JPN untuk prosedur mengangkat sumpah dan membuat bayaran pengeluaran Sijil Kewarganegaraan. Setelah Sijil Kewarganegaraan dikeluarkan, pemohon layak bergelar seorang warganegara Malaysia. Adalah ditegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Sehubungan dengan itu, setiap pertimbangan serta keputusan dibuat dengan teliti dan menyeluruh. Ini adalah bagi memastikan kewarganegaraan dianugerahkan kepada individu yang berkelayakan, dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 mengenai penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berumur 60 tahun dan ke atas yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, KDN sedang melaksanakan tindakan segera terhadap arahan berkenaan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, KDN telah menambahbaik dan memberi kelonggaran bersesuaian dalam pertimbangan terhadap permohonan pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berumur 60 tahun dan ke atas dengan mengambil kira aspek kemanusiaan seperti berikut:-

- (i) Pengecualian Komponen Membaca dan Menulis bagi Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) serta pertimbangan untuk kelulusan walaupun mereka mendapat gred terendah dalam ujian tersebut; dan
- (ii) Pemohon yang gagal Tapisan Keselamatan oleh PDRM masih dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya kesalahan bukanlah dalam kategori jenayah berat, jenayah professional dan jenayah terancang serta kesalahan tersebut telah melebihi 20 tahun.

Buat masa ini, KDN dalam tindakan menyelesaikan isu kewarganegaraan individu berketurunan India selaras dengan Manifesto 100 Hari Kerajaan dalam pilihan raya ke-14 baru-baru ini dan KDN telahpun selesai memproses semua permohonan kewarganegaraan daripada individu pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas yang telah diterima dari tempoh 2013 sehingga Mei 2018 berjumlah sebanyak 1,667 permohonan dengan 1,641 permohonan telah diluluskan dan 26 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian ini juga melalui JPN sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara melalui inisiatif berterusan seperti mana berikut:-

- (i) Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- (ii) Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- (iii) Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.

Selain daripada itu, pada 9 Oktober 2018 KDN telah mengadakan satu Sesi Perjumpaan Bersama Wakil-Wakil Rakyat India Berkenaan Isu Dokumen Pengenalan Diri dan Kewarganegaraan Masyarakat India. Sesi perjumpaan ini telah dihadiri oleh lapan (8) orang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang diketuai oleh YB Sivarasa Rasiah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar selaku Ketua Sekretariat. Hasil daripada sesi perjumpaan ini, pelbagai perkara telah dibincangkan dan memberikan perspektif yang baru kepada kedua-dua belah pihak mengenai isu dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan masyarakat India.

Satu Majlis Penyampaian Surat Kelulusan Kewarganegaraan Oleh YB Tan Sri Dato' Menteri Dalam Negeri telah diadakan pada 25 Oktober 2018 di Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya. Seramai 200 orang pemohon kewarganegaraan Malaysia dari Negeri Sembilan, Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya menerima surat kelulusan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19(1), Perkara 16 dan Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO : 38

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah peserta yang terlibat dengan Skim Tanaman Kelapa Sawit dengan FELCRA Berhad (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) di kawasan Parlimen Igan. Nyatakan nama peserta, keluasan tanah, tarikh tamat perjanjian dan jumlah dividen yang mereka terima daripada Felcra Bhd sepanjang terlibat sebagai peserta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

FELCRA Berhad sehingga 31 Ogos 2018 telah diberi amanah membangunkan tanah di dalam Parlimen Igan, Sarawak dengan skim tanaman kelapa sawit seluas 4,523.329 hektar melibatkan seramai 1,188 peserta.

Perjanjian yang dibuat di antara FELCRA Berhad dan pemilik bermula mengikut tahun tanah tersebut mula dibangunkan dan mengikat selama tempoh 15 tahun projek berhasil atau sehingga bayaran balik kos pembangunan diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

31 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN STEVEN SHIAU YOON [TEBRAU]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

Tuan Steven Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian akan menjalankan kajian semula terhadap keperluan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 dan bagaimana Kerajaan memastikan KR1M 2.0 yang menjual barangan dengan harga yang lebih murah daripada pasaran tidak menjejaskan perniagaan runcit kecil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjenamaan semula KR1M 2.0 merupakan salah satu usaha pihak Kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat. Pihak Kerajaan pada ketika ini, sedang dan telah melaksanakan kajian semula terhadap inisiatif KR1M 2.0. Kajian semula ini dilakukan secara berterusan dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak.

Antara pembaharuan dan penambahbaikan yang bakal dilaksanakan adalah penjualan barangan pada harga patut dan tidak lagi menumpukan penjualan barangan pada harga murah. Pendekatan ini diambil kerana berdasarkan persepsi masyarakat yang kerap menggambarkan barangan yang dijual pada harga yang murah adalah barangan yang tidak bermutu dan rendah kualiti. Selain itu, pendekatan ini juga mengambilkira sifat penetapan sesuatu harga barangan adalah dinamik yang amat bergantung kepada permintaan dan penawaran sesuatu barangan. Di bawah inisiatif ini, barang keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak dan tepung akan dijual pada harga yang berpatutan. Manakala penjualan barangan pengganti melalui inisiatif ini akan menggunakan bungkusan asal produk yang berjenama dengan harga munasabah dan berpatutan daripada pasaran. Dengan ini, tiada lagi penjualan produk dalaman (*in-house*) sendiri seperti jenama produk KR1M yang lalu. Strategi perniagaan yang tepat seperti ini membolehkan harga barangan di bawah inisiatif ini dapat dijual pada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasaraya/pekedai yang lain jika betul strategi perniagaannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 31 Oktober 2018
[Rabu]**

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BIN HASSAN
[PAPAR]**

SOALAN :

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan peruntukan kepada Parlimen Papar yang terdapat 79 buah kampung kebanyakannya didiami orang-orang Pertubuhan Kadazan Dusun Murut (KDM) seperti kenderaan pacuan 4-roda dan van kerana jalan-jalan di kawasan pedalaman adalah teruk serta daif dan kemudahan kenderaan tersebut diperlukan semasa waktu kecemasan seperti banjir, bencana alam, kebakaran dan lain-lain keperluan dalam menghulurkan bantuan umpamanya makanan.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Arahan No.20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) masih diguna pakai sehingga kini apabila membincangkan aspek pengurusan bencana di Malaysia. Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara seperti terkandung dalam arahan No. 20 MKN telah menerangkan tugas, peranan dan tanggungjawab setiap agensi dalam pengurusan bencana supaya gerakan operasi lebih terselaras dan pembaziran sumber dapat dielakkan.

Arahan No. 20 MKN telah menetapkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat berkaitan (Daerah / Negeri) hendaklah bersidang secara berkala di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) bagi mengawasi perkembangan dan menentukan usaha-usaha menangani bencana, operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dilaksanakan segera, teratur, terselaras dan berkesan.

Bagi pengurusan bencana di peringkat daerah, Pegawai Daerah adalah Pengerusi kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang sepatutnya melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan halatuju dalam mengendalikan sesuatu bencana di peringkat daerah.

Arahan No. 20 MKN juga telah menetapkan **kaedah operasi** bahawa apabila berlaku bencana, termasuk bencana banjir dan tanah runtuh, iaitu;

- a) Tahap 1 iaitu bencana di sesebuah daerah akan diketuai oleh Ketua Polis Daerah sebagai Komander dibantu oleh Pegawai Bomba Daerah sebagai Timbalan Komander Operasi Bencana; dan
- b) Tahap 2 iaitu bencana di peringkat negeri akan diketuai oleh Ketua Polis Negeri sebagai Komander dibantu oleh Pengarah

SOALAN NO : 40

Bomba dan Penyelamat Negeri sebagai Timbalan Komander Operasi Bencana.

Pada 30 Oktober 2018 semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, saya telah mengingatkan semua agensi penyelamat bahawa tahap kesiapsiagaan perlu dipandang serius oleh agensi yang menggunakan dan menggerakkan aset seperti Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan lain-lain. Pengendalian aset logistik semasa bencana amat kritikal yang mana memerlukan penyelarasan yang cekap agar aset bantuan dan sokongan dimanfaatkan semaksimum yang mungkin.

Kes kejadian banjir di pedalaman Papar, Sabah dan lain-lain kawasan mungkin berulang. Oleh yang demikian, saya mohon agar setiap Yang Berhormat yang lebih tahu dan mengenalpasti risiko bencana (kawasan yang diwakili), selok belok jalan raya dan jalan luar bandar serta kecenderungan golongan sasaran untuk bertindakbalas terhadap ramalan dan amaran banjir untuk mendapatkan maklumat daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah iaitu Pegawai Daerah dan Komander Operasi Bencana Daerah iaitu Ketua Polis Daerah. Komander Operasi Bencana Daerah masing-masing boleh menyelaraskan aset di kalangan agensi-agensi penyelamat untuk operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dan penghantaran bantuan makanan dan lain-lain keperluan.

Sekiranya sumber aset agensi-agensi penyelamat dalam daerah tidak mencukupi, maka Ketua Polis Negeri memainkan peranan untuk penyelarasan pergerakan aset di kalangan seluruh agensi di dalam negeri berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU
SELANGOR)**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 41

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan mengikut kumpulan etnik dan apakah pendekatan atau mekanisme Kementerian untuk menyelesaikan isu individu kerakyatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sejumlah 192,719 permohonan kewarganegaraan dari tempoh tahun 2008 hingga 30 September 2018. Perincian permohonan mengikut tiga (3) keturunan tertinggi pemohon adalah seperti berikut:

- a) Indonesia sebanyak 63,480 permohonan;
- b) India sebanyak 21,124 permohonan; dan
- c) Cina sebanyak 21,087 permohonan.

SOALAN: 41

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan kepada peruntukan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan yang telah menetapkan tiga (3) kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia iaitu secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau penaturalisasian. Individu yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan di mana-mana pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di seluruh negara.

Bagi warga asing, permohonan kewarganegaraan Malaysia boleh dikemukakan sama ada secara pendaftaran atau penaturalisasian. Taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Sehubungan itu, setiap pertimbangan serta keputusan dibuat dengan teliti dan menyeluruh selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah bagi memastikan kewarganegaraan dianugerahkan kepada individu yang berkelayakan, dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Kementerian Dalam Negeri melalui JPN sentiasa proaktif dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri dilaksanakan dengan mudah oleh semua lapisan masyarakat melalui program secara berterusan seperti berikut:-

- a. Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- b. Perkhidmatan Unit *Mobile*; dan
- c. Perkhidmatan Bas *Mobile*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 42

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara tetap dan terperinci sama ada Kerajaan bercadang untuk menghapuskan atau hanya meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, dan sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah mengkaji semua undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci.

Kementerian ini dalam proses untuk menghantar hasil kajian berkaitan Akta ini kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 43

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap
penjual arak yang mengakibatkan lebih 40 kematian baru-baru ini.
Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk
mengharamkan arak murah di seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan PDRM segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ Agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya untuk memastikan kelestarian alam sekitar terjamin.

2. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas premis-premis industri di negara ini yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, bagi mengawal:

- i. had pelepasan efluen perindustrian ke alur air,
- ii. had pelepasan asap kenderaan bermotor dan industri ke udara, dan
- iii. pengurusan sisa buangan berbahaya (buangan terjadual).

Premis yang tidak patuh akan diambil tindakan samada melalui Notis Arahan, mengenakan kompaun atau tindakan mahkamah. Selaras dengan perkembangan terkini dan komitmen kerajaan dalam menjaga kualiti alam sekitar dan mengawal berlakunya pencemaran di negara ini, pihak Kementerian sedang dalam usaha mengemaskini Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang sedia ada (dan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini selepas mendapat persetujuan pihak Peguam Negara).

3. Perancangan dan Pelaksanaan projek pembangunan secara lestari.

Semua projek pembangunan akan dipastikan supaya dirancang dan dilaksanakan secara lestari dengan mengambil kira beberapa perkara seperti berikut:

- i. Pembangunan projek perlu selari dengan Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan, Pelan Induk, dan Guna Tanah;
- ii. Mematuhi syarat-syarat kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA); dan

- iii. Melindungi kawasan-kawasan sensitif alam sekitar iaitu mana-mana kawasan yang ditetapkan dalam rancangan pemajuan atau rancangan fizikal negara di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, atau mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan perlindungan alam sekitar atau kawasan pemuliharaan alam sekitar di bawah mana-mana Enakmen di Negeri Sabah atau mana-mana Ordinan di Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, pihak Kementerian akan meningkatkan kompetensi, kesedaran dan komitmen *stakeholders* serta meningkatkan keberkesanan mekanisme EIA melalui penghasilan dan pengemaskinian garispaduan berkaitan projek-projek EIA.

4. Mempertingkatkan inisiatif bagi mencapai kompetensi dan pematuhan berterusan.

Dalam usaha Kementerian meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan alam sekitar, sebuah pusat kecemerlangan alam sekitar yang dikenali sebagai Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), di Bangi, Selangor telah memperkenalkan kursus-kursus peringkat kompetensi bagi memperakukan pemain-pemain industri dan pegawai Jabatan Alam Sekitar sebagai orang yang berwibawa bagi memenuhi keperluan undang-undang.

5. Memperkasakan program pengawasan kualiti alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar, akan terus melaksanakan program pengawasan kualiti alam sekitar di seluruh negara pada setiap tahun bagi mengesan sebarang perubahan kepada status kualiti air (sungai, marin, air tanah) dan udara. Sistem pengawasan akan dipertingkatkan dan diperluaskan dari masa ke masa di seluruh negara.

Bagi meningkatkan kecekapan fungsi jabatan dan seiring dengan perkembangan teknologi, JAS telah mengaplikasikan penyaluran

data secara *real-time* melalui Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP).

6. Mempertingkatkan hubungan kerjasama diperingkat serantau dan antarabangsa.

Kementerian juga akan memantapkan lagi hubungan kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa menerusi pelaksanaan obligasi terhadap perjanjian dan konvensyen berkaitan penjagaan alam sekitar terutamanya di bawah Badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) seperti *United Nations Environment Programme* (UNEP) dan ASEAN.

7. Menubuhkan Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Di bawah peruntukan Seksyen 4, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, fungsi Kementerian dalam menjaga kelestarian alam sekitar diperkukuhkan lagi dengan penubuhan dan tindakan Majlis Kualiti Alam Sekeliling yang berperanan sebagai badan penasihat kepada kerajaan berkaitan isu-isu alam sekitar. Majlis ini dianggotai oleh wakil kementerian-kementerian berkaitan, pihak kerajaan negeri, pihak industri, persatuan pengilang, pihak akademik dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

8. Meningkatkan keperihatinan rakyat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Dalam usaha untuk menyebarkan maklumat dan membudayakan pemuliharaan alam sekitar, pihak Kementerian akan terus menganjurkan program-program dan aktiviti kesedaran yang mencakupi semua lapisan masyarakat termasuklah kerjasama dengan Rakan Strategik seperti agensi-agensi kerajaan, pihak akademik (Institut Pengajian Tinggi), pihak swasta dan NGO.

Selain itu, pihak industri dikehendaki melaksanakan amalan industri hijau sebagai satu inisiatif berterusan bagi meningkatkan pematuhan dengan melaksanakan kaedah pengeluaran bersih.

NO. SOALAN : 44

Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) oleh pihak Kementerian Pelajaran merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga alam sekitar kepada masyarakat bermula dari peringkat awal usia. Pada peringkat prasekolah pendidikan alam sekitar diajar dalam mata pelajaran “Saya dan Alam Sekitar”, pada peringkat Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sains dan mata pelajaran Pendidikan Islam, dan pada peringkat Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Geografi, Pendidikan Moral dan Asas Kelestarian.

Kejayaan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama bersepadu daripada setiap lapisan masyarakat. Ia adalah tanggungjawab bersama. Demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara, setiap daripada kita berperanan sebagai mata dan telinga dalam mencegah pencemaran alam sekitar bagi memastikan kelestarian alam sekitar terus terjamin.

“Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Kita Bersama”

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 31 OKTOBER 2018

SOALAN : 44

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kelulusan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam JPA untuk permohonan insentif bagi profesional teknikal yang mempunyai gelaran Ir. (Jurutera), Ar. (Arkitek) dan Sr. (Quantity Surveyor).

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, tiada insentif khas diperuntukkan bagi Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan yang mempunyai gelaran Ir., Ar. dan Sr.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga skim perkhidmatan Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan telah diperuntukkan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak 5% dari gaji hakiki oleh Kerajaan mengambil kira peranan dan sumbangan perkhidmatan tersebut ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara serta berdasarkan kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

Apakah langkah dan usaha yang akan dilaksanakan Kementerian dalam memajukan tanah wakaf bagi menjana penaiktarafan ekonomi Bumiputera seperti yang dipersetujui menerusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara baru-baru ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan resolusi Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara (KBN 2018), Kerajaan Persekutuan akan meneruskan pembangunan tanah wakaf sebagai satu usaha menaiktaraf ekonomi Bumiputera. Langkah dan usaha yang akan dilaksanakan adalah melalui empat (4) perubahan strategik iaitu:

- (i) penyelarasan projek pembangunan harta tanah wakaf melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan;
- (ii) pendekatan korporat dalam sistem pengurusan dan pentadbiran harta tanah wakaf;
- (iii) pemantapan sistem maklumat harta tanah wakaf secara bersepadu; dan
- (iv) penyeragaman pengurusan dan pembangunan harta tanah wakaf.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan menyasarkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk menyediakan rangka kerja menyeluruh bagi meneroka potensi pembangunan tanah wakaf melalui kerjasama dan perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan lain seperti Yayasan Waqaf Malaysia, majlis agama Islam negeri (MAIN) dan kerajaan negeri.

Sekian, terima kasih.

31 Oktober 2018

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]
TARIKH : 31 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 47

Y.B. TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik terkini hukuman ke atas insider trading yang dapat dikesan di Bursa Saham.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Perdagangan Dalam (*'insider trading'*) adalah satu kesalahan salah laku pasaran di bawah peruntukan Seksyen 188 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Di antara tahun 2015 dan 2018, sejumlah 39 orang telah dituduh di Mahkamah untuk kesalahan Perdagangan Dalaman. Jelas terdapatnya satu trend penurunan jumlah orang-orang yang telah tertuduh untuk kesalahan Perdagangan Dalaman. Pada tahun 2015, bilangan tertuduh adalah 16 orang. Angka tersebut menurun kepada 11 orang dalam tahun 2016, seterusnya menurun kepada 7 orang dalam tahun 2017. Setakat ini, hanya 5 orang telah dituduh dalam tahun 2018.

2. Mahkamah memandang serius kesalahan perdagangan dalaman yang boleh menjejaskan pasaran modal negara. Untuk kes-kes jenayah perdagangan dalaman, hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah di antara tahun 2017 sehingga Oktober 2018 adalah seperti berikut:-
 - i. 1 kes selepas perbicaraan penuh (PP v Tiong Kiong Choon & Thai Kim Sin) - hukuman penjara 5 tahun dan denda RM10 juta;
 - ii. 1 kes selepas perbicaraan penuh (PP v Tan Bee Geok & Tan Bee Hong) - hukuman penjara 5 tahun dan denda RM7 juta; dan
 - iii. 2 kes selepas pengakuan salah (PP v Goh Keng Huat & PP v Lim Bun Hwa) - hukuman penjara 6 bulan dan denda RM1 juta.

Sekian, terima kasih.